

## Keutamaan Jiwa Dalam Islam

Pepatah orang-orang tua ada mengatakan: Banyak udang banyak garamnya, banyak orang banyak ragamnya.” Akan kebenaran apa yang dikatakan oleh pepatah ini memang tak dapat disangkal. Perasaan, keadaan dan cara-cara yang dilakukan oleh seseorang manusia dalam menegakkan sifat “keutamaan jiwa” itu adalah bermacam aneka ragam

(oleh Abdul Aziz Al-Murshidi)

Ada segolongan manusia yang bertabiat liar, sama sekali tidak memperdulikan hal kepentingan orang lain tegasnya tidak ada keyakinan untuk membela nasib buruk yang dialami oleh jiran tetangga yang terdiri dari kaum bangsanya sendiri – perasaan dan fikiran yang tersemat di jiwa manusia golongan liar ini semata-mata hanya menilik kepada kepentingan diri mereka sendiri. Mata hati mereka sudah dipengaruhi bulat-bulat oleh perasaan “cinta harta” atau mata duitan. Mata asalnya sudah kabur ditutupi oleh kepingan-kepingan wang emas dan perak yang bersinar-sinar, tak berkuasa lagi untuk melihat keadaan masyarakat bangsa yang hidup menderita disekeliling pinggangnya. Dia hanya dapat melihat segala kekurangan yang ada pada dirinya sendiri atau paling jauh segala kekurangan yang ada di dalam rumah tangganya sendiri lebih dari itu pemandangannya menjadi gelap kabur, bak dia melihat cahaya bintang kesiangn hari yang ditutupi oleh kumpulan awan mendung yang menghitam pekat. Meskipun di hadapan matanya terbentang segolongan masyarakat bangsanya yang menderita, masyarakat yang hidup merintah, masyarakat berhajat kepada bantuan, dia hanya buat acuh tak acuh sahaja. Perasaan untuk membantu, jiwa untuk menolong orang lain, menghulurkan derma bakti, tidak ada sama sekali, tersemat ditangkai kalbunya yang telah dituruti oleh tabiat liar itu. Segala suara tangis, keluhan dan rintihan masyarakat

yang hidup menderita di sekeliling pinggangnya hanya didengarnya dengan perasaan hati yang lapang, bak dia mendengar suara irama lagu merdu yang dinyanyikan oleh bidadari di taman syurga. Dia menganggap bahawa dirinya sudah memiliki sifat “keutamaan jiwa” lantaran dengan perasaan hati yang tenang dengan jiwa yang tabah dia sanggup menghadapi pancaroba dan penderitaan yang dialami oleh masyarakat yang berada di sekelilingnya, yang mana pahit getirnya penderitaan yang ditanggung oleh orang lain itu tidaklah sampai menyinggung perasaan jiwanya yang kotor bernoda itu, ini adalah satu kebanggaan besar bagi dirinya.

Tidak disedarinya bahawa tabiat liar dan acuh tak acuh yang dilakukannya itu adalah dikutukkan oleh masyarakatnya dilaknati oleh Tuhan di dalam Al-Qur’ān sebagaimana firmanNya di *Sūrah Al-’A’rāf* ayat (179): “*Wa laqad dharānā’ lijahannama kathīrā min al-jinn wa al-’ins, lahum qulūbu lā yafqahūna bihā walahum ‘aynu<sup>2</sup>lā yabṣarūna bihā walahum adhānu<sup>3</sup>lā yasma’ūna bihā ula’ika ka al-an’am bal hum aḍal, ula’ika hum ghāfilūn*” Ertinya Sesungguhnya telah Kami sediakan untuk Neraka Jahannam itu kebanyakan daripada gerangan jin dan manusia bagi mereka itu jantung hati (akal fikiran) tidak mereka memikirkannya, bagi mereka itu mata tidak mereka melihat dengannya, bagi mereka itu telinga tidak mereka mendengar dengannya. Mereka itu adalah seperti binatang, bahkan lebih sesat daripada binatang. Mereka itu dari golongan orang yang lalai”

<sup>1</sup> Perkataan sebenarnya ialah *dhara’nā*

<sup>2</sup> Perkataan sebenar ialah *a’yun*

<sup>3</sup> Perkataan sebenar ialah *’adhānu*



Kaum Muslimin di Brazil sangat mementingkan kerjasama antara kaum. Gambar di atas menunjukkan Al-Ustaz Abdullah Abdul Shukur sedang dikelilingi oleh pemuka-pemuka kaum Nasrani di salah satu majlis perayaan Islam.

Sifat 'keutamaan jiwa' yang diakui oleh Islam ialah keutamaan jiwa yang terbentuknya di dalam tubuh orang-orang miskin yang mempunyai akal fikiran dan menggunakan akal yang dikurniakan oleh Tuhan itu pada memikirkan perkara-perkara yang menuju kepada kebanyakan kebaikan hidup berbakti di dunia dan akhirat. Orang-orang Muslimin yang dikurniakan mata dan menggunakan mata itu untuknya melihat tanda-tanda kebesaran Tuhan di maya pada ini untuk memperhatikan keadaan masyarakat Islam yang pincang dan menderita supaya dapat diinsafi dan diberi bantuan sekadar yang terdaya. Orang-orang Muslimin yang dikurniakan telinga dan menggunakan telinga itu untuk mendengar desas-desus yang merendahkan kemuliaan umat Islam supaya dapat diperbaiki dan di bela'i.

Tegasnya sifat-sifat keutamaan haiwan, yang sebenarnya menurut saluran pengajaran-pengajaran Islam yang bermutu tinggi adalah tersemat di tubuh manusia yang berhati mulia, ikhlas dan jujur manusia yang mempunyai perasaan insaf memiliki roh timbang rasa ingin mencurahkan amal bakti memberi pertolongan terhadap saudara-saudaranya yang perlu kepada bantuan untuk menghadapi gelombang hidup yang bergelora di alam jagat ini.

Oleh itu setiap umat Islam yang ingin

memiliki sifat "keutamaan jiwa" yang tulen sejati, maka haruslah bagi mereka itu menanamkan perasaan demi mencintai dirinya sendiri. Dalam soal menanamkan rasa kasih sayang dan cinta mesra terhadap saudara-saudaranya yang lain saudara-saudaranya seagama, sebangsa dan setanah air sebagaimana ia mencintai dirinya sendiri, soal menanamkan perasaan kasih sayang ke dalam jiwa setiap orang Islam XXX dapat ia mencintai saudara-saudaranya orang-orang Islam yang lain ada ditegaskan oleh Nabi besar kita Muḥammad *ṣallā Allāhu 'alayhi wa sallam* di dalam sepotong hadithnya yang berbunyi: "*Lā yu'minu ahadukum ḥatta yuḥibbu li akhīhi mā yuḥibbu linafsihi*" Ertinya tidaklah beriman salah seorang daripada kamu sehingga dia dapat mencintai saudara-saudaranya (orang-orang Muslimin) sebagaimana dia mencintai akan dirinya sendiri."

Selagi sifat-sifat tersebut belum dapat ditanamkan ke dalam jiwa, belum dapat disematkan ke dalam hati setiap umat Islam, maka selama itulah sifat "keutamaan jiwa" yang tulen sejati mengikut saluran-saluran pengajaran Islam yang tinggi mulia tak akan dapat dimiliki oleh mereka, sifat "keutamaan jiwa" yang tidak bersendikan ajaran-ajaran Islam yang sebenarnya adalah palsu dan membawa kepada keruntuhan jiwa dan budaya akhlak.

Di sana ada pula segolongan manusia yang menganggap bahawa untuk menegakkan, keutamaan jiwa itu mereka haruslah berkorban habis-habisan, membelanjakan harta benda dalam segenap jurusan dengan tidak pakai ilmu hisab, sehingga keadaan rumah tangga sendiri kucar kacir, anak isteri di rumah kelaparan, wang habis dibelanjakan keluar kononnya untuk kepentingan kaum bangsa dan masyarakat. Manusia yang bersifat pemurah dan seboros ini adalah terkeluar dari erti kata keutamaan jiwa yang hakiki kerana sifat pemurah dan pemboros yang melewati batas itu adalah dicela oleh Tuhan sebagaimana firmanNya dalam *Sūrah*

*Al-Isrā'* ayat (29) *Wa lā taj'al yadaka maghlūlata ila 'unuqika wa lā tabsuḥā kulla al-basṭi fataq'uda malūmā maḥsūrā.*"

Ertinya: "Janganlah engkau jadikan tanganmu terbelenggu ditengkukmu (lokek, kedekut) dan jangan pula engkau bukakan dengan selebar-lebarnya (terlalu boros), nanti engkau akan jadi tercela dan susah. Sifat boros dicela pula oleh Nabi Rasulullah *ṣallā Allāhu 'alayhi wa sallam* dengan sabda: "*Khayr al-amūru awṣāṭihā*" (sebaik-baik perkara ialah pertengahannya). Dalam soal boros ini pepatah orang-orang tua kita ada mengatakan: "buat baik berpada-pada, buat jahat jangan sekali" tujuan dari ayat Qur'an, kemudian Nabi dan pepatah orang tua yang telah dibentangkan di atas semuanya mencela akan sifat pemurah dan boros yang melewati batasan, sehingga menyusahkan diri sendiri.

Tegasnya sifat keutamaan jiwa, yang dikehendaki oleh Islam hanya dapat dimiliki oleh orang Islam yang

berpendirian sederhana, orang-orang Islam yang pandai mengukur dan mempertimbangkan di antara kepentingan dirinya dengan kepentingan masyarakat yang bera<sup>4</sup> sekelilingnya. Lebih jelas sifat keutamaan jiwa hanya dapat dimiliki oleh golongan manusia yang dari lubuk hati kecilnya yang suci murni tumbuh perasaan-perasaan halus yang berpendirian bahawa dia sebagai makhluk Tuhan yang hidup di maya pada nan luas terbentang ini, haruslah melaksanakan pengorbanan- pengorbanan yang sejajar dan seimbang dengan keadaan dirinya terhadap setiap makhluk Tuhan seagama, sebangsa dan setanah air dengannya. Dan lebih luas dari itu Islam juga menyuruh akan penganut-penganut Islam seluruhnya. Haruslah dilaksanakan pengorbanan sewajarnya terhadap seluruh umat manusia sedunia yang berketurunan dan berasal satu. Firman Allah dalam *Sūrah Al-Hujurāt* ayat (13), *Yā ayyuhā al-nāsu innā khalaqnākum min dhakari wa untha wa ja'alnākum ṣubā<sup>5</sup> wa qabā'ila li ta'ārafū.*" Ertinya: "Hai sekalian manusia, sesungguhnya.



Abdullah Sallāl, Yang Dipertua Kerajaan Yaman yang baharu sedang bercakap-cakap dengan wartawan Mesu<sup>6</sup> baharu-baharu ini. Kerajaan Yaman Abdullah Sallāl ini telah diakui oleh kerajaan British dan Amerika.

<sup>4</sup> Teks kabur. Perkataan sebenarnya ialah berada

<sup>5</sup> Perkataan sebenar ialah *shu'ūbā*

<sup>6</sup> Perkataan sebenar ialah Mesir

Kami telah menjadikan kamu daripada jenis lelaki dan perempuan, dan Kami jadikan kamu bersuku-suku bangsa (berpuak) supaya kamu berkenal-kenalan di antara satu sama lain”. Bukankah ayat ini dengan terang menyeru agar manusia seluruhnya tidak peduli apa bangsa dan apa agama supaya hidup damai, berbaik-baik dan berkenalan bertukar-tukar fikiran di antara satu sama lain. Tetapi meskipun demikian di akhir ayat Tuhan tetap memberikan keistimewaan kepada orang-orang Islam yang bersifat takwa. “*Inna akramakum ‘inda Llāhi atqākum*” (bahawa semulia-mulia kamu di sisi Tuhan ialah orang yang lebih takwa (takut kepada Allah). Bagaimana tingginya darjat seorang manusia itu di sisi manusia dia tidak akan dapat melebihi sifat kemuliaan yang dianugerahkan Tuhan kepada hambaNya yang bersifat taqwa. Jadi sifat keutamaan jiwa, yang paling istimewa dan tertinggi di sisi Tuhan hanya dapat dimiliki oleh orang-orang mukmin yang bersifat takwa.

Sekarang marilah kita meninjau agak sejenak pendapat-pendapat yang ditinggalkan oleh ahli falsafah di zaman silam berhubung dengan keutamaan jiwa. Aristotle seorang filsuf bangsa Greek yang terkemuka- berpendapat “Sifat keutamaan jiwa itu hanya dimiliki oleh manusia yang patuh melaksanakan tugas kewajipan, lantaran sifat patuh itu sudah menjadi satu kebiasaan bagi dirinya, kata setengah filsuf. “Sifat keutamaan jiwa itu dapat dimiliki oleh manusia yang mempunyai cita-cita yang teguh dan kemahuan kuat di kala melaksanakan satu-satu pekerjaan yang baik dan mulia”. Filsuf yang lain pula ada berkata: “Sifat keutamaan jiwa itu tidak lain ialah satu perasaan batin yang terbit dari jiwa manusia yang sanggup mengorbankan segenap tenaga dan jiwa demi untuk melaksanakan satu-satu pekerjaan yang sesuai dengan akal fikiran yang waras”

Kesimpulan dari beberapa pendapat yang ditinggalkan oleh filsuf-filsuf di zaman silam sebagaimana yang telah dibentangkan di atas, maka dapatlah kita menegaskan bahawa sifat keutamaan jiwa itu akan timbul menjelma di dalam jiwa setiap manusia setelah berlakunya perjuangan nyatin<sup>7</sup> dalam menegakkan dua perasaan yang berlawanan – perjuangan melawan hawa nafsu dan perjuangan untuk menegakkan kebenaran fikiran yang waras yang hidup bergelora dalam jiwa– secara tabii dalam kehidupan manusia sehari-hari mesti menempuhi dua perjuangan batin yang berlawanan, perjuangan di antara hawa nafsu yang durjana dengan akal fikiran yang waras sempurna.

Hawa nafsu sentiasa mendorong jiwa manusia pada melakukan pekerjaan-pekerjaan durjana yang mendatangkan mudarat, sedang akal fikiran yang waras sentiasa berusaha dengan niat untuk melawan kemahuan hawa nafsu dengan mendorong jiwa manusia agar melakukan pekerjaan-pekerjaan yang baik yang mendatangkan manfaat. Tidak mungkin terjadi seseorang manusia biasa dapat dengan secara langsung mengerjakan perbuatan-perbuatan yang baik dengan lebih dahulu tidak menempuhi perjuangan-perjuangan hebat melawan kemahuan hawa nafsu. Bilamana akal yang waras dapat mangalahkan lawannya si hawa nafsu dalam perjuangan batin, maka di kala itu timbullah sifat-sifat keutamaan jiwa, yang terXXX sejati, tetapi sebaliknya apabila hawa nafsu dapat menewaskan akal yang waras, maka di saat itu akan muncullah jiwa batin sifat-sifat durjana yang terkeji dan bermutu rendah.

Sewaktu memperkatakan soal perjuangan di antara akal waras dengan hawa nafsu, saya teringat dengan serangkap kata-kata hikmah yang ditulis oleh seorang para hukama’ bangsa Arab yang terkenal di zaman Bani Umaiyah. Kata-kata hikmah itu adalah berbunyi demikian:

“Allah telah menjadikan malaikat dengan tidak bersyahwat dan tidak berakal,

---

<sup>7</sup> Perkataan sebenar ialah batin

Allah telah menjadikan haiwan dengan tidak berakal tetapi bersyahwat, Allah telah menjadikan manusia dengan mempunyai akal dan syahwat, Manakala syahwat seseorang manusia itu dapat menguasai akal, Maka jadilah ia sebagai seekor haiwan. Manakala akal seseorang manusia itu dapat menguasai syahwatnya, Maka jadilah ia sebagai seorang malaikat, Seseorang manusia yang ingin memiliki sifat “keutamaan jiwa” dia pasti mempunyai sifat keadilan kerana keadilan adalah sifat yang utama harus dimiliki oleh setiap manusia yang mempunyai “keutamaan jiwa”. Dari sifat keadilan ini akan timbul pula perasaan belas kasihan terhadap sesama manusia yang bersifat lemah dan tak punya daya upaya menghadapi gelombang hidup yang dipenuhi oleh suasana penderitaan. Bila mana perasaan belas kasihan ini sudah menusuk ke dalam jiwa batin, maka dengan sendirinya akan wuncul<sup>8</sup> perasaan suka berkorban dan sedia menolong orang-orang yang ditimpa kesusahan. Sesuatu bangsa yang akan naik meningkat ke puncak kemajuan dan kemuliaan dapat dilihat tanda-tandanya dengan nyata bagaimana sifat keadilan dan rasa belas kasihan hidup subur dalam jiwa pemimpin-pemimpin dan penganjur-penganjur rakyat bangsa itu.

Sebagai pengunci segala pendapat yang telah kita perbincangkan tadi, agar manusia tetap berada di dalam sifat keutamaan jiwanya yang suci mulia, dia harus mempunyai rasa keyakinan dan kepercayaan yang kuat terhadap dirinya sendiri. Kepercayaan terhadap diri sendiri itulah tempat bergantungnya kekuatan sesuatu perjuangan rasa kepercayaan kepada diri itulah yang menghidupkan sifat keutamaan jiwa seseorang manusia.

Tegasnya kalau saudara-saudara ingin menjadi seorang manusia yang mempunyai sifat “keutamaan jiwa” yang tegas, maka biasakanlah diri saudara-saudara mengerjakan pekerjaan-pekerjaan yang baik, lawanlah kemajuan hawa nafsu yang akan menceburkan saudara-saudara ke corong kehinaan, latihlah diri supaya selalu bersifat adil dalam menghukum sesuatu perkara, dan tanamkanlah rasa kepercayaan kepada diri sendiri, agar segala perjuangan dan cita-cita yang bersendikan kepada rasa kepercayaan terhadap diri sendiri itu akan berakhir dengan kejayaan yang gilang gemilang.

#### BUKU-BUKU RUMI:

##### (a) Siri Buku2 Bacaan Sekolah Rendah:

- |                         |                        |      |
|-------------------------|------------------------|------|
| 1. Tunas baru (ABC)     | (Abdul Rahman H. Said) | 1.50 |
| 2. Tunas Baru I         | (Abdul Rahman H. Said) | 1.00 |
| 3. Tunas Baru II,III,IV |                        |      |
| 4. Senang Baca I dan II | (Hasan Basri) satu     | .80  |

##### (b) Buku2 Bacaan Tambahan untuk Sekolah Rendah:

- |                                  |     |
|----------------------------------|-----|
| 5. Kucing Hitam (A.H. Edrus)     | .30 |
| 6. Peristiwa Hari Sabtu          | .30 |
| 7. Nabi Sulaiman dengan Semut    | .30 |
| 8. Lutong Sakti I                | .35 |
| 9. Lutong Sakti II               | .35 |
| 10. Karun Dengan Harta-nya       | .35 |
| 11. Pekebun Yang Tama'           | .35 |
| 12. Lembu Chantek                | .35 |
| 13. Kisah Minangkabau            | .40 |
| 14. Sutan Balun                  | .40 |
| 15. Puteri Balqis                | .45 |
| 16. Pendudok Gua                 | .50 |
| 17. Sebab Harimau                | .50 |
| 18. Cherita Burong Hantu         | .75 |
| 19. Nakhoda Dengan Datok Papatih | .30 |
| 20. Si-Buta                      | .30 |

#### QALAM

356 & 358, Geylang Road,  
Singapore 14

<sup>8</sup> Perkataan sebenar ialah muncul